

JPS pantau kawasan pengairan

KUALA KUBU BHARU - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau seluruh pengairan di daerah ini termasuk kawasan yang berisiko terjejas dengan hakisan tebing.

Pegawai Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Selangor, Halim Masri berkata, masalah hakisan tebing bukan isu baru dan pihaknya sentiasa melakukan pemantauan dari masa ke masa.

"Kita pantau semua kawasan pengairan dan memberi keutamaan pada kawasan kritikal yang melibatkan nyawa serta harta benda.

"Sehingga kini, semua kes berisiko dalam tindakan JPS dan kita akan terus memantau kawasan baru yang dilaporkan terlibat dengan hakisan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai aduan hakisan tebing di daerah ini.

Dalam pada itu, Halim turut mengulas status tebing jambatan Kampung Lekok yang runtuh baru-baru ini.

Menurutnya, kerja membaiki tebing berkenaan masih dalam proses dan keadaan buat masa ini terkawal namun jambatan terbabit masih ditutup.

"Tebing tersebut akan dibaiki namun pelaksanaannya



Laporan Sinar Harian 17 November lalu .

dijangka akan bermula awal tahun depan," katanya.

Sinar Harian dalam edisi 17 November lalu mendedahkan aduan penduduk mengenai kejadian tebing jambatan Kampung Sungai Lekok yang runtuh akibat hakisan.

Hakisan itu turut menyebabkan jambatan berkenaan ditutup untuk laluan sementara menunggu kerja baik pulih tebing dilakukan.